



anjung
minda

DR ISKANDAR
HASAN TAN ABDULLAH

Sejak tindakan Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump tidak membenarkan kemasukan rakyat dari 7 negara Islam, ramai termasuk orang Islam dan bukan Islam membantah tindakan itu. Benarkah Amerika sebuah negara hebat yang diidamkan seperti dalam filem mereka?

Jika dilihat dari segi kebebasan dan pendemokrasian, negara Barat lain lebih terbuka dibandingkan Amerika, misalnya Kanada, Belgium dan sebagainya. Malahan jika ditinjau kehebatan teknologi, negara seperti China, Jepun, Korea dan sebagainya jauh lebih maju dan hebat. Ini menunjukkan Amerika sebenarnya tidak mampu menyelesaikan permasalahan rakyatnya yang terdiri daripada masyarakat pelbagai etnik, agama dan budaya. Jika dilihat ekonomi dunia hari ini, China dan India semakin berkembang dan jauh mengatasi ekonomi Amerika. Malah dijangka dalam masa se-dekad akan datang, China akan

mengatasi Amerika dari segi penguasaan ekonomi dunia.

Amerika sebenarnya jauh lebih teruk dari Malaysia dari segi permasalahan sosiobudaya. Budaya liberalisme merosakkan sebahagian kehidupan berakhlak dan moral rakyat Amerika. Lihatlah masalah penagihan dadah di Amerika. Pada 2013, dianggarkan dalam kalangan mereka berumur antara 12 tahun ke atas berjumlah 24.6 juta atau 9.4 peratus rakyat Amerika terlibat penagihan dadah. Berbanding data tahun 2002, 8.3 peratus. Ini menunjukkan peningkatan yang tiada henti. Malah masalah jenayah pembunuhan dan pencabulan hak asasi manusia di Amerika menunjukkan terdapat 4.5 orang dibunuh setiap hari dalam 100,000 orang dan 367.9 jenayah keganasan berlaku, di mana berlakunya jaringan wabak dadah maka akan melibatkan keganasan jenayah. Kawasan yang sering kali jenayah keganasan dan dadah menguasai, turut melibatkan faktor kemiskinan.

Permasalahan kemiskinan di Amerika juga sebenarnya jauh lebih teruk daripada Malaysia. Sejumlah 45 juta rakyat Amerika atau 14.5 peratus hidup di bawah kemiskinan

tegar. Peningkatan kemiskinan tegar di Amerika turut melibatkan 21.8 peratus kanak-kanak Amerika berumur 18 tahun ke bawah. Golongan kanak-kanak ini selalunya dieksploitasi pihak terlibat dengan jenayah dadah, pelacuran dan pembunuhan upahan. Permasalahan kemiskinan ini menyebabkan bantuan kewangan sama seperti Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) diberikan setiap tahun termasuklah tempat tinggal dan makanan. Ini menyebabkan ketagihan rakyat Amerika ke atas penyediaan bantuan kewangan ini. Akibatnya sebahagian rakyat Amerika menjadi malas bekerja kerana bergantung kepada bantuan kewangan ini.

Jangan anda terkejut apabila dinyatakan terdapat sejuta pelacur generasi Y di Amerika. Ini tidak termasuk pelacur generasi X dan sebelumnya. Jika dijumlahkan melebihi 10 juta orang. Pelacuran menjadi kerjaya sampingan yang semakin berleluasa di alam maya. Sebahagian pelacur ini turut terlibat penagihan dadah. Seramai 204 kematian pelacur setiap tahun akibat daripada penyalahgunaan dadah dan keganasan seks. Dalam satu kajian menunjukkan 61 peratus

rakyat Amerika bersetuju dengan kelahiran anak luar nikah akibat daripada hubungan yang tidak berteraskan perkahwinan. Maka, 72 peratus kelahiran bayi rakyat Afrika Amerika, 53 peratus rakyat Hispanik Amerika, 66 peratus rakyat Indian Amerika atau penduduk asal Amerika dan 29 peratus kelahiran bayi rakyat kulit putih Amerika adalah anak luar nikah pada statistik kelahiran rakyat Amerika 2013. Ini menunjukkan fenomena anak luar nikah satu norma diterima dalam budaya Amerika.

Trump mengiktiraf hak LGBT (Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender) dua minggu lalu. Ini disebabkan 3.5 peratus rakyat Amerika adalah golongan ini yang memberi sokongan kepadanya. Bayangkan terdapat 1.2 juta penghidap HIV dan dianggarkan seramai 40,630 orang dijangkiti HIV setiap tahun di Amerika. Malahan kematian HIV dan Aids di Amerika seramai 12,960 setiap tahun dan kadar ini menunjukkan peningkatan walaupun berbagai rawatan digunakan untuk merawat mereka. Adakah kehidupan sebegini diimpikan mereka yang menganggap Amerika sebuah negara hebat?

Tindakan Trump yang kurang

suka pada Islam menyebabkan ribuan rakyat Amerika mendekati masjid untuk mendapatkan maklumat mengenai Islam. Ada seramai 3.3 juta rakyat Islam Amerika tahun 2015 berbanding 2.75 juta tahun 2011 - peningkatan mereka yang memeluk Islam semakin ramai. Ini disebabkan 22.8 peratus penduduk rakyat Amerika tidak beragama dan 70.6 peratus penduduk rakyat Amerika yang beragama Kristian menunjukkan minat mendalam kepada Islam sejak peristiwa 11 September 2011.

Memang tidak dapat dinafikan kehebatan Amerika sebenarnya berada pada idea kepimpinan tetapi jika tidak dihayati, kehebatan itu hanya sekadar ucapan di bibir. Mungkin terdapat hikmah di sebalik tindakan ini yang menyebabkan lebih ramai rakyat Amerika memeluk dan mengenali Islam secara dekat.

* Penulis ialah Pensyarah Kanan
Fakulti Sains Pentadbiran dan
Pengajian Polisi, UiTM Kelantan

Memahami takrifan harta intelek

MUHAMMAD AKRAM ABDUL AZIZ

Apabila disebut perkataan harta, ramai beranggapan ia merujuk kepada suatu yang berbentuk material seperti wang, barang perhiasan, hartanah dan kenderaan. Takrifan ini tidak salah, tetapi pada zaman moden ini, harta mempunyai definisi yang lebih meluas terutamanya dalam aspek perniagaan.

Dalam sesebuah perniagaan, peniaga akan menawarkan sama ada produk atau perkhidmatan kepada pelanggannya. Contoh perniagaan pakaian, apa yang membezakan antara pakaian yang dijual peniaga A atau peniaga B di mata pelanggan sekiranya kualiti kedua-dua produk adalah sama?

Dalam situasi di atas, kemungkinan besar peniaga A dan peniaga B akan menggunakan jenama berbeza (ditakrif sebagai harta intelek) untuk menarik perhatian pelanggan.

Asas harta intelek merujuk kepada sesuatu yang dizahirkan daripada idea dan kreativiti penciptanya, paling minimum secara bertulis kerana tanpa penzahiran, ia tidak akan

dianggap sebagai harta intelek dan tidak dilindungi di bawah undang-undang berkaitan.

Umumnya, penzahiran idea dan hasil kreativiti boleh dibahagikan kepada beberapa kategori:-

(a) Cap Dagangan (*Trade Mark*): Secara ringkasnya ia merujuk jenama, logo dan slogan sesuatu produk atau perkhidmatan. Pemilik cap dagangan tersebut mempunyai hak eksklusif untuk menggunakannya.

Sebagai contoh, apabila kita membeli kasut Nike, jenama Nike tersebut berserta logonya dan juga slogan *Just Do It* adalah cap dagangan dan dilindungi di bawah undang-undang harta intelek (secara spesifiknya Akta Cap Dagangan 1976 bagi cap dagangan yang berdaftar). Mana-mana pihak lain yang ingin menggunakan atau memasarkan jenama, logo atau slogan sama hendaklah mendapat kebenaran pemiliknya.

Terdapat negara-negara lain yang memperluaskan definisi cap dagangan untuk merangkumi aspek-aspek lain seperti bau, rasa, bunyi dan bentuk. Buat masa ini, undang-undang cap dagangan di Malaysia masih bersifat konservati

tif dan tidak mengiktiraf perkara-perkara tersebut secara langsung sebagai cap dagangan, tetapi tidak mustahil undang-undang ini akan diperbaharui suatu hari nanti.

(b) Hak Cipta (*Copyright*): Kategori ini merujuk hak pencipta bagi harta intelek yang mempunyai nilai kreativiti dan estetika dalam penzahirannya dan ia tidak semestinya digunakan sebagai jenama perniagaan. Contohnya buku, muzik dan runut bunyi, filem atau rancangan televisyen, dan pelbagai lagi bentuk penzahiran yang diiktiraf Akta Hak Cipta 1987.

Di bawah undang-undang hak cipta, sebarang transaksi seperti penyiaran dan pencetakan semula harta intelek (spesifikasi di bawah Akta Hak Cipta tersebut) hanya boleh dibuat dengan kebenaran pemegang eksklusif hak cipta, kebiasaannya pencipta harta intelek tersebut.

(c) Reka bentuk Perindustrian (*Industrial Design*): Ia merujuk reka bentuk baharu dan unik sama ada dalam bentuk dua dimensi (2D) seperti corak kusyen atau sofa, atau suatu yang berbentuk tiga dimensi (3D) seperti perabot atau kenderaan. Reka bentuk perindustrian yang

berdaftar adalah hak milik eksklusif si pemilik berdaftar. (Akta Reka bentuk Perindustrian 1996)

(d) Petunjuk Geografi (*Geographical Indication*): Ia secara asasnya serupa dengan cap dagangan dari segi penggunaan, yakni merujuk jenama sesuatu produk. Bezanya, jenama produk yang didaftarkan di bawah Akta Petunjuk Geografi 2000 ini mempunyai hubungan secara langsung dengan kualiti dan nama sesebuah kawasan di mana produk tersebut dikenali sebagai berkualiti.

Contoh: Satay Kajang. Umum mengenali sate Kajang sebagai penanda aras bagi kualiti sate di Malaysia, atau pun Kek Lapis Sarawak, yang mana ramai mengetahui dan mengakui kek lapis yang dibuat pengusahanya di Sarawak adalah bermutu tinggi.

(e) Paten dan Pembaharuan Utiliti (*Patent/Utility Innovation*): Paten merujuk kepada hak ke atas suatu produk atau proses baharu yang memberikan jawapan atau penyelesaian kepada suatu masalah. Umum mengaitkan paten dengan bidang perubatan atau industri pembinaan dan kejuruteraan di

mana produk atau proses baharu sering tercipta dan dilindungi di bawah Akta Paten 1983.

Pembaharuan utiliti pula adalah mirip kepada paten namun ia merangkumi produk atau proses yang membawa pembaharuan kecil ke atas produk atau proses sedia ada, dan tidak serumit paten dari segi pembuktian (untuk mendapat hak eksklusif di bawah undang-undang).

Kesimpulannya, harta intelek mempunyai potensi untuk menjaga keuntungan kepada pemiliknya (sama seperti harta-harta yang lain), dan ia juga terdedah risiko 'dicuri' pihak ketiga terutamanya dari segi peniruan. Pihak berkuasa seperti Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) kerap mengadakan kempen kesedaran berkenaan hak harta intelek, namun tanpa wujudnya kesedaran dan inisiatif pemilik harta intelek itu sendiri untuk melindungi haknya, kempen kesedaran tersebut tidak akan membawa sebarang manfaat.

* Penulis seorang peguam
dan ejen harta intelek